

20/10/1998

Tambahan RM100 juta untuk PPRT

KUALA TERENGGANU, Isnin - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dijangka mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta di bawah Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) apabila belanjawan negara dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

Menterinya, Datuk Annuar Musa, berkata peruntukan tambahan itu berasaskan dasar kerajaan untuk terus memberi penekanan kepada projek pembangunan luar bandar terutamanya membabitkan peserta PPRT.

"Peruntukan tambahan itu dijangka diluluskan bagi memudahkan kementerian meneruskan program itu untuk mengurangkan jumlah peserta PPRT yang berada di bawah paras kemiskinan," katanya kepada pemberita pada majlis pemimpin bersama rakyat di Kampung Pulau Bahagia, dekat sini, semalam.

Annuar berkata, apabila peruntukan itu diluluskan, kementerian akan melaksanakan beberapa projek komersial lebih besar yang membabitkan peserta PPRT.

(END)